

MENGKAJI BENTUK DAN MOTIF TEMPAYAN

DI MALAYSIA DAN INDONESIA

OLEH

NOOR AZLINA BT. MOHAMED

94263712

SARJANA MUDA KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM, SELANGOR

TAHUN 1997/1998

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah..., segala puji bagi Tuhan semesta alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. saya bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini sebagaimana yang telah ditetapkan. Besar kemungkinan terdapatnya kesilapan, dengan itu saya mengharapkan teguran yang membina dari semua orang yang lebih mahir mengenai perkara ini.

Saya sesungguhnya berterima kasih kepada pensyarah penasihat yang sentiasa bekerjasama dalam memberi tunjuk ajar dan pandangan sepanjang saya menyiapkan tesis ini iaitu kepada Pn. Siti Zaleha Saad, untuk itu kepada beliau saya amat terhutang budi.

Tidak lupa juga kepada orang yang sentiasa memberi dorongan dan semangat sepanjang saya menuntut di ITM iaitu bonda Che Ah Abd. Razak dan ayahanda Mohamed Alang Ishak.

Terima kasih juga kepada;

:

I. En. Abdul Aziz Abdul Rashid.

Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

II. En. Zulkiflee.

Perpustakaan Jabatan Muzium, Kuala Lumpur.

## SINOPSIS

Bersetujuan dengan tajuk tesis ini, penulis telah membuat kajian melalui perbandingan yang berhubung dengan sejarah kebudayaan masyarakat di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Indonesia, yang mana pada masa lampau tempayan atau di Indonesia dipanggil tempayan 'Martavan' sudah mempunyai peranannya yang tersendiri bukan sekadar hanya suatu benda seni atau koleksi yang patut dikagumi dan dipelihara, tetapi pula merupakan suatu benda yang menyingkap adat istiadat dan cita rasa yang berbeza-beza dalam masyarakat yang terdahulu.

Dalam tajuk ini, penulis telah mengambil kira mengenai sejarahnya yang tersendiri berserta teknik-teknik pengolahan nilai-nilai estetik seperti pembuatannya dan motif hiasannya kerana sifat-sifat luaran ini dapat diambil kira sebagai fungsinya yang tertentu dan secara kasarnya hitungan umur sesbuah tempayan. Maksud yang dinyatakan di sini, permulaan pembuatan tempayan nampak kasar dan tiada motif hiasan, pada masa pertengahan, kelihatan sedikit hiasan seperti jalinan guris dan sehingga kini ia menampakkan kehalusan pembuatan dari segi bentuk dan juga motif hiasan yang pelbagai.

Di dalam bab pertama, penumpuan adalah berkisar kepada pengenalan tempayan secara umum serta peranannya, definisi tempayan dan sejarahnya. Sejarah kewujudan tempayan adalah

**ISI KANDUNGAN****Muka Surat**

<b>HALAMAN PEMERIKSA</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>SINOPSIS</b>	<b>VII</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>X</b>
<b>BAB SATU</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Penemuan Tempayan	4
1.1.1 Kepercayaan dan Dongengan	6
1.2 Sejarah Permulaan Perlabuhan di Semenanjung Malaysia	8
1.3 Tempayan Martaban	10
1.4 Definasi Tempayan	12
1.5 Seni, Budaya dan Masyarakat	13
1.5.1 Seni sebagai hasil 'cipta' manusia	15
<b>BAB DUA</b>	
2.0 Pengenalan Bentuk dan Motif	17
2.1 Definasi bentuk tempayan	19
2.2 Definasi motif tempayan	22
2.3 Definasi hiasan secara umum	24
2.4 Perbezaan tempayan melayu dengan tempayan asing	26

## I.0 PENGENALAN

Dengan mengkaji kewujudan tempayan samada dari segi sejarah, kewujudan, pembuatan dan penggunaan praktisnya perkara yang memainkan peranan penting yang menjadi perhatian secara keseluruhan tempayan adalah berdasarkan sifat luarannya iaitu bentuk dan motif. Perkembangan bentuk dan motif pada tempayan akan dibicarakan dalam bab yang selanjutnya.

Kewujudan tempayan sejak zaman awal adalah bagi memenuhi keperluan manusia dalam kehidupan sehari-hari. Secara tidak langsung kehadirannya memperlihatkan daya kreativiti seni yang tinggi mutunya, walaupun mereka banyak mengalami rintangan baik bercorak fizikal dan dari alam sekitar malah tanpa bantuan sebarang alat teknologi moden seperti yang kita nikmati kini.